

APA ITU HILAL?

Bahasa Arab bermaksud bulan melengkung kecil dan bulan sabit dalam bahasa Melayu

Penting dalam kehidupan umat Islam, sebagai tanda permulaan dan pengakhiran bulan, penentuan ibadah puasa Ramadan

Sekitar abad ke-7 Masihi, motif bulan sabit mula digunakan sebagai lambang kerajaan Islam atas rekaan mata syiling Arab-Sasanian zaman pemerintahan Khalifah Abdul Malik.

Motif bulan sabit juga dijadikan lambang dinasti Uthmaniyah pada abad ke-18 Masihi.

WARISAN MALAYSIA

Awal abad ke-19, Turki semasa di bawah pemerintahan Sultan Selim III secara rasmi menggunakan motif bulan sabit dan bintang sebagai lambang bendera

Selepas itu, banyak negara Islam menggunakan motif berkenaan termasuk Malaysia

Motif bulan sabit dalam seni Islam

BULAN merupakan antara ciptaan Allah SWT yang menghiasi langit selepas terbenamnya matahari pada waktu malam. Selain matahari yang sentiasa digambarkan dengan bentuk bulat dan bersinar, bulan juga digunakan sebagai antara motif hiasan dalam bidang seni.

Walaupun secara amnya bulan juga berbentuk bulat tetapi selalunya ia sering diwakili oleh beberapa bentuk asas lain seperti bulat, separuh bulat dan melengkung. Dalam seni Islam bentuk bulan yang amat sinonim ialah bentuk melengkung yang dipanggil *hilal* dalam bahasa Arab. Dalam bahasa Melayu ia dikaitkan dengan sejenis pisau berbentuk melengkung dan tajam yang dikenali sebagai sabit.

Hilal memainkan peranan penting dalam kehidupan umat Islam di mana ia merupakan tanda permulaan dan pengakhiran sesuatu bulan dalam kalendar Islam. Ia juga memainkan peranan penting dalam penentuan beberapa hari penting dalam sejarah dan ibadah umat Islam seperti tahun baharu Islam dan ibadah puasa bulan Ramadan. Ini menjadikannya sebagai antara motif hiasan atau lambang yang sering dikaitkan dan sinonim dengan Islam. Motif bulan sabit sering

kesenian islam



Oleh ROS MAHWATI AHMAD ZAKARIA
rosmahwati@ukm.edu.my

digandingkan dengan motif bintang sama ada pecah lima, enam, lapan atau 14 dalam pengayaan mengikut kesesuaian.

Pada sekitar abad ke-7 Masihi, motif bulan sabit mula digunakan sebagai lambang kerajaan Islam di atas rekaan mata wang syiling Arab-Sasanian di bawah pemerintahan Khalifah Abdul Malik yang merupakan pemerintah Damasyik pada tahun 695 Masihi.

Motif bulan sabit yang digunakan di atas rekaan mata wang syiling ini turut meletakkan motif bintang sebagai gandingannya sama ada di bahagian hadapan atau belakang duit

syiling berkenaan.

Bulan sabit dan bintang pecah lima banyak digunakan dalam peralatan kesenian Islam seperti dinasti Uthmaniyah yang berpusat di Istanbul, Turki. Ia digunakan sebagai bentuk dan hiasan barangan kemas, seramik, tekstil, khemah, seni bina, pakaian dan kuda peliharaan. Penggunaan motif bulan sabit yang kerap dalam pengeluaran barangan seni dinasti Uthmaniyah telah menyaksikan motif ini diangkat menjadi lambang dinasti Uthmaniyah pada abad ke-18 Masihi.

Seterusnya sebagai lambang bendera negara Turki pada awal abad ke-19 Masihi sewaktu di bawah pemerintahan Sultan Selim III yang secara rasminya telah menggunakan motif bulan sabit dan bintang berlatarkan tanah berwarna merah sebagai lambang bendera empayar Uthmaniyah seperti bendera Turki pada hari ini walaupun ia pernah dibubarkan selepas kejatuhan Sultan Selim III.

Selepas daripada itu, kesinambungan penggunaan motif dan makna bulan sabit yang melambangkan agama Islam turut digunakan dalam rekaan bendera negara Islam lain termasuk Malaysia. Malaysia menggunakan motif bulan sabit yang digandingkan dengan bintang pecah 14 berwarna kuning yang melambangkan Islam sebagai agama rasmi Malaysia. Beberapa bendera negeri-negeri dalam Malaysia turut menggunakan motif bulan sabit yang digandingkan dengan bintang seperti Kelantan, Terengganu, Selangor, Melaka dan Johor.

Motif bulan sabit sering digandingkan dengan motif bintang sama ada pecah lima, enam, lapan atau 14 dalam pengayaan mengikut kesesuaian."

MOTIF bulan sabit digunakan pada bangunan masjid sebagai lambang tempat ibadah umat Islam. - GAMBAR HIASAN

